

21/11/1997

Majlis bertindak ekonomi diwujudkan (HL)

Jamhariah Jaafar; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan akan menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) bulan depan bagi menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terhadap ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, penubuhan majlis itu mengambil pendekatan yang pernah digunakan kerajaan ketika menghadapi masalah rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Katanya, pada masa itu negara diletakkan di dalam keadaan darurat dan ditadbirkan oleh Majlis Gerakan Negara (Mageran) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata penubuhan NEAC tidak membabitkan sebarang perisytiharan darurat, sebaliknya memusatkan segala urusan pentadbiran ekonomi negara di bawah majlis berkenaan yang akan dipengerusikan oleh beliau sendiri.

"Untuk melaksanakan ini, kita akan menggunakan pendekatan seperti yang pernah kita guna ketika darurat (13 Mei 1969) dahulu. Walaupun kita tidak akan mengisytiharkan kecemasan seperti Mageran, kita akan wujudkan semula pasukan seperti itu.

"NEAC ini akan diadakan di peringkat pusat serta negeri dan sebarang perkara yang diluluskan dan laporan yang dibuat akan dibentangkan kepada NEAC. Dengan maklumat yang kita perolehi itu akan kita cipta cara mengatasinya," katanya.

Beliau mengumumkan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno selama dua setengah jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini malam ini.

Ringgit ditutup rendah hari ini kepada RM3.52 berbanding dolar Amerika, manakala Indeks Komposit BSKL susut 11.08 peratus kepada 536.62 mata, paras paling rendah sejak lebih lima tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham mengapa keadaan ini boleh berlaku, sedangkan semua pakar ekonomi mengaku bahawa asas ekonomi Malaysia adalah begitu kukuh.

"Itu yang kita tak faham... Asas (ekonomi) kita semua orang kata kuat... Seluruh dunia kata kuat, tetapi mengapakah mereka menjual saham kalau dah kuat, kenapa seolah-olah tindakan mereka ini bertentangan dengan pendapat. Mungkin ada agenda tersendiri," katanya.

Berikutan itu, Perdana Menteri turut mengumumkan beberapa langkah drastik lain bagi mengatasi kegawatan dalam ekonomi negara sekarang, termasuk membesarkan Majlis Perniagaan Malaysia supaya lebih ramai usahawan turut serta.

Selain itu, fungsi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) juga akan ditingkatkan bagi menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini.

Dr Mahathir juga sekali lagi mengulangi nasihat supaya rakyat negara ini terus mengamal sikap berjimat cermat dan sanggup berkorban dalam urusan perbelanjaan dan tuntutan, bagi membantu kerajaan mengatasi masalah yang wujud sekarang.

"Tindakan yang akan kita ambil ialah kurangkan pembaziran, tingkatkan produktiviti, tingkatkan eksport, kurangkan import, tingkatkan kualiti, kawal inflasi dan menentukan bahawa pelaburan asing akan terus meningkat.

"(Pada masa yang sama) Kita juga akan menentukan bahawa kita akan mengadakan maklumat yang cukup supaya rakyat dan orang asing faham mengenai apa yang sebenar berlaku di dalam negara ini," katanya.

Perdana Menteri juga mengarahkan supaya semua rakyat negara ini, termasuk menteri Kabinet dan pegawai kerajaan mengurangkan sebarang lawatan atau tugas di luar negara.

"Ini juga kita anggap sebagai import kerana sudah pasti ringgit akan dibelanjakan," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata beliau belum lagi menentukan panel jawatankuasa NEAC dan ia boleh membabitkan sesiapa saja.

"Ini baru pengumuman awal. Kita akan menyerahkan tugas untuk meneliti butiran lanjut kepada pihak terbabit," katanya.

(END)